

# KEPENTINGAN PENGUSAHAAN BAHASA ASING

Oleh Mohd Adam Fazery Jeffry

**B**AHASA merupakan medium penting untuk memudahkan proses komunikasi antara masyarakat. Setiap bangsa di dunia mempunyai bahasanya yang tersendiri. Bahasa melambangkan identiti dan melahirkan nilai perbezaan dengan bangsa yang lain. *Kamus Dewan Edisi Keempat* mentakrifkan bahasa sebagai satu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam satu kelompok manusia. Dalam arus modenisasi ini, kemahiran untuk menguasai lebih daripada satu bahasa itu amatlah ditekankan sebagai nilai tambah kepada diri seseorang. Selain bahasa Inggeris yang menjadi bahasa kedua, terdapat banyak lagi bahasa yang boleh dipelajari, antaranya termasuklah bahasa Arab, bahasa Sepanyol, bahasa Jerman dan bahasa Rusia. Terdapat pelbagai kebaikan dengan menguasai bahasa asing pada masa ini.

Penguasaan bahasa asing akan meningkatkan kemampuan minda seseorang itu untuk mengingati sesuatu perkara dengan lebih efektif. Seseorang yang mempelajari bahasa asing akan didedahkan kepada perkataan baharu sepanjang tempoh pembelajaran bahasa berkenaan. Hal ini secara tidak langsung mendorong minda untuk menghafal ejaan, struktur ayat dan maksud perkataan bahasa yang dipelajari. Minda yang sentiasa digunakan untuk menghafal sistem bahasa yang dipelajari akan menjadi lebih aktif berbanding minda yang jarang digunakan. Kesannya, seseorang itu berpotensi untuk meningkatkan ketajaman minda untuk mengingati sesuatu perkara dengan lebih baik.

Di samping meningkatkan kemampuan minda untuk mengingati sesuatu perkara, penguasaan bahasa asing juga akan membuatkan diri seseorang itu lebih terbuka kepada budaya luar. Golongan yang mempelajari bahasa asing

berpeluang untuk memahami budaya dan gaya hidup penutur bahasa yang mereka pelajari. Dengan menguasai bahasa asing, seseorang itu lebih mudah diterima oleh masyarakat negara luar, sekali gus memudahkan proses komunikasi. Negara maju di Eropah, seperti Jerman, Perancis dan Sepanyol, mengutamakan penggunaan bahasa ibunda mereka untuk berurusan dalam hal-hal tertentu. Justeru itu, golongan yang dapat menguasai bahasa asing mempunyai sifat terbuka serta tidak akan mengalami kejutan budaya apabila menjejakkan kaki di negara yang kurang menggunakan bahasa Inggeris.

Penguasaan bahasa asing meningkatkan potensi diri seseorang itu untuk diterima dalam pasaran kerja. Lulusan graduan universiti yang mempunyai kebolehan berbahasa asing mempunyai kelebihan berbanding mereka yang tidak menguasai bahasa asing. Syarikat multinasional misalnya, amat memerlukan pekerja yang boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ibunda mereka apabila bekerja. Maka, dengan menguasai bahasa asing seseorang itu akan berpotensi untuk diterima kerja terutamanya di syarikat multinasional.

Sebagai kesimpulannya, pelbagai kelebihan boleh didapati apabila menguasai bahasa asing pada masa ini. Bahasa asing bukan sahaja perlu dipelajari oleh golongan intelek yang menuntut di luar negara, malah perlu dipelajari oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Penguasaan bahasa asing bukan sahaja dapat memberi nilai tambah dalam diri individu, malahan dapat memajukan negara dalam konteks teknologi dan sosial. Justeru itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa sesebuah negara yang mempunyai masyarakat yang dapat menguasai bahasa asing berpotensi untuk bersaing dengan negara maju yang lain seperti Jerman, Finland dan Denmark.

